

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/M13/JLD.5 (78)
Tarikh: 20 Julai 2012

KENYATAAN AKHBAR

PROGRAM TAUTAN KASIH

Majlis Bandarya Petaling Jaya akan mengadakan Program Tautan Kasih Warga Emas Sempena bulan Ramadhan. Program ini akan diadakan pada 20 Julai 2012 di Dewan Banquet, Auditorium MBPJ.

Penduduk warga emas yang berdaftar dengan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) adalah individu yang terlibat dalam Program Tautan Kasih ini. Antara objektif penganjuran program ini ialah untuk memberikan sumbangan hamper serta duit raya kepada warga emas sempena bulan ramadhan. Dengan adanya sumbangan yang seumpama ini, ia sedikit sebanyak dapat meringankan beban yang mereka tanggung.

Di samping itu, program Tautan kasih ini juga merupakan salah satu tanggungjawab dan sumbangan khidmat sosial yang diberikan oleh pihak Majlis kepada komuniti setempat di bawah pentadbirannya.

Seramai 50 orang penduduk telah berdaftar di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar ini yang melibatkan 5 buah kawasan di Petaling Jaya iaitu PPR Kota Damansara, PPR Lembah Subang, Petaling Jaya Selatan (PJS), Desa Mentari dan Impian Baiduri.

Sumbangan yang akan diberikan kepada mereka adalah berbentuk wang tunai RM150.00 dan hamper bernilai RM50.00.

Di keluarkan oleh:

Sekretariat Media
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi: Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, zainun@mbpj.gov.my atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-6946884, ahmadiskandar@mbpj.gov.my